

Refleksi al-quran

Oleh **ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM
AL-HAFIZ**

Pensyarah di Jabatan
Tilawah al-Quran,
Pusat Bahasa, UIAM
dan Timbalan
Presiden Murshid.



■ PERANG BADAR SIRI 4

MEMALUKAN sekali nasib si Abu Jahal, dahulu di Mekah sombong mengutuk serta menindas Rasulullah, tetapi siapa tahu takdir ajalnya 'diprogramkan' Allah semenjak azali jatuh pada tangan dua remaja beriman dari kabilah Ansar.

Dua pahlawan muda itu adalah Mu'adh ibn 'Amru ibn al-Jamuh dan Mu'adh atau Mu'awwidh ibn 'Afra' (Sahih Bukhari dan Muslim)

Kisahanya, ketika Abdul Rahman Ibn Awwaf r.a. bersiap siaga menanti sebelum tercetusnya perang Badar, beliau disapa dua harimau muda:

"Wahai pak cik, adakah pak cik kenal Abu Jahal?" getus seorang daripada pemuda itu.

Abdul Rahman menjawab: "Ya! Mengapakah kamu bertanya tentang perihalnya?"


Dengan nada tegas remaja itu menjawab: "Kami dengar dia selalu mencaci Rasulullah, demi (Allah) yang jiwaku berada pada tangan-Nya, jika aku mendapatinya sudah pasti aku tidak akan melepaskannya sehinggalah dia mati terlebih dahulu daripada kami."

Abdul Rahman terpegun dan mendapati temannya juga berkata demikian.

Setelah perang tercetus, Abdul Rahman mengerling dua remaja itu lalu menunjukkan kepada mereka berdua yang mana satu 'Firaun' zaman Nabi Muhammad SAW bergelar Abu Jahal itu.

Sejurus itu juga dua remaja Ansar itu menerkam Abu Jahal dengan pantas lagi ganas seakan dua helang menerkam si arnab yang terkapai-kepai mencari perlindungan.

Nasib Abu Jahal sama dengan musuh Allah lain dalam sejarah manusia sebagaimana firman Allah ertinya: "Maka setiap mereka (umat lampau pendusta para nabi mereka) Kami binasakan dengan sebab dosanya, ada antaranya yang Kami hantarkan angin ribut menghujannya dengan batu; ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang mengempaka bumi; ada yang Kami timbus dia dalam bumi; dan ada pula



UMAT Islam memperoleh kemenangan besar dalam Perang Badar. - GAMBAR HIASAN

Tamatnya riwayat Abu Jahal

KEMATIAN ABU JAHAL

- Abu Jahal digelar Firaun pada zaman Rasulullah kerana kebencian dan kezalimannya menindas umat Islam.
- Dua pahlawan muda Mu'adh ibn 'Amru ibn al-Jamuh dan Mu'awwidh ibn 'Afra' bertekad membunuh Abu Jahal.
- Abu Jahal diterkam dua pemuda itu dalam peperangan Badar dan berjaya dibunuh.
- Satu riwayat menyebut, ketika mayat Abu Jahal ditemukan, terdapat lebam besar iaitu sebesar tapak kasut pada belakangnya.
- Rasulullah mengatakan ia adalah kesan pukulan malaikat (Tafsir al-Tabari).
- Selain Abu Jahal, sejumlah 70 tentera musuh dibunuh dan 70 yang lain ditawan hidup.

laungan takbir dan kesyukuran. Ketika berita ini sampai, penduduk Madinah baru sahaja mengebumikan puteri Rasulullah iaitu Ruqayyah r.ha. yang meninggal dunia. Kegembiraan beliau sebelum tercetusnya perang Badar menjadi sebab Saidina Uthman ibn Affan r.a. tidak dapat ikut serta dalam perang Badar.

Walaupun umat Islam dikurniakan anugerah berharga kemenangan, ada segelintir umat Islam yang

yang Kami tenggelamkan dalam laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri." (al-Ankabut: 40)

Satu riwayat menyebut, ketika mayat Abu Jahal ditemukan, terdapat lebam besar iaitu sebesar tapak kasut pada belakangnya. Rasulullah mengatakan ia adalah kesan pukulan malaikat (Tafsir al-Tabari). Ia disebut Allah dalam kisah perang Badar dalam surah al-Anfal:

Ertinya: "Dan (amatlah ngeri) kalau engkau melihat (wahai orang yang memandang), ketika malaikat mengambil nyawa orang kafir dengan memukul muka dan belakang mereka (sambil berkata): "Rasalah kamu azab seksa neraka yang membakar." (al-Anfal: 50)

Selain Abu Jahal, menurut catatan ulama, sejumlah 70 tentera musuh dibunuh dalam perang Badar dan 70 yang lain ditawan hidup. Pun begitu, ada tiga kepala Musyrikin Quraisy yang dibunuh selepas ditawan iaitu al-Nadhar bin al-Harith, 'Uqbah bin Abi Mu'ayt dan Tu'aymah bin 'Adi (Tafsir Ibn Kathir).

Pembunuhan itu tidak bertentangan dengan keadilan Islam kerana pembunuhan mereka berlaku atas arahan Rasulullah yang melihat besarnya jenayah mereka terhadap baginda dan Islam ketika di Mekah.

KEMENANGAN MUSLIMIN

Selepas mendapat kemenangan besar dalam perang Badar, Rasulullah mengutus Abdullah bin Rawahah dan Zayd bin Harithah balik mengkhabarkan kemenangan tentera Muslimin. Berita itu disambut dengan

tersalah pihak terbunuh di pihak musuh. Mereka adalah beberapa pemuda malang yang pernah memeluk Islam ketika Rasulullah berada di Mekah.

Setelah hijrah, mereka enggan berkorban dan kekal di Mekah bersama keluarga. Ketika kerahan dibuat oleh orang Mekah untuk ke medan Badar, mereka dipaksa keluar bersama orang Mekah melawan Rasulullah. Akhirnya mereka terbunuh di pihak Musyrikin. (Sahih al-Bukhari).

Mereka adalah 'Ali bin Umayyah bin Khalaf, Abu Qays bin al-Walid bin al-Mughirah, Abu al-'As bin Munabbih bin al-Hajjaj dan al-Harith bin Zam'ah (Tafsir Ibn Kathir).

Nasib malang disebut Allah dalam firman-Nya ertinya: "Sesungguhnya orang yang diambil nyawanya oleh malaikat semasa mereka sedang menganiaya diri sendiri (kerana enggan berhijrah untuk membela Islam dan rela ditindas oleh kaum kafir musyrik), mereka ditanya oleh malaikat dengan berkata: "Apakah yang kamu telah lakukan mengenai agama kamu?" Mereka menjawab: "Kami dahulu adalah orang yang tertindas di bumi". Malaikat bertanya lagi: "Tidakkah bumi Allah itu luas, yang membolehkan kamu berhijrah dengan bebas padanya?" Maka orang yang sedemikian itu keadaannya, tempat akhir mereka ialah neraka jahanam, dan neraka jahanam itu adalah seburuk-buruk tempat kembali." (al-Nisa': 97)

■ **Rujukan:** Sirah Ibn Ishaq, Sirah Ibn Hisyam, Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, al-Rahiq al-Makhtum, al-Sirah al-Nabawiyah Li al-Nadawi, al-Sirah al-Nabawiyah Fi Daw' al-Quran Wa al-Sunnah Li Muhammad Abu Syahbah

فقه رمضان

Amalan 10 malam terakhir

1 Menghidupkan malamnya
Diriwayatkan dari Aisyah r.ha. ertinya: "Nabi SAW mencampurkan antara ibadah dengan tidurnya pada 20 malam (awal) di bulan Ramadan. Apabila tiba masuknya 10 malam terakhir, baginda mula bersiap sedia dan mengetatkan ikatan kainnya."

2 Mengejutkan ahli keluarga untuk menunaikan solat malam

Daripada Abu Dzar bahawa Nabi selalu bangun mengerjakan ibadah pada malam ke-23, 25 dan 27 Ramadan. Disebutkan bahawa baginda telah mengejutkan ahli keluarganya dan isteri-isterinya bangun pada malam ke-27 khususnya. Ini menunjukkan bahawa baginda hendak memastikan mereka bangun pada malam-malam ganjil yang diharapkan lailatulqadar padanya.

3 Mengetatkan ikatan kain

Para ulama kita berselisih pendapat dalam mentafsirkannya. Sebahagiannya berkata, "Ini merupakan kinayah kepada kesungguhan baginda dalam beribadah sebagaimana dikatakan, "Si fulan hendak mengetatkan ikatan di pinggangnya dan berusaha untuk itu." Pandangan ini memerlukan penelitian (agak lemah) kerana Aisyah berkata, "Baginda bersungguh-sungguh dan mengetatkan kainnya."

4 Melambatkan sahur

Diriwayatkan dari Aisyah bahawa: "Rasulullah apabila masuknya bulan Ramadan, baginda akan tahajud dan tidur. Apabila tibanya 10 malam terakhir, baginda mengetatkan tali pinggangnya, menjauhi isteri-isterinya, mandi antara azan maghrib dengan isyak serta melambatkan makan malam hingga ke sahur."

5 Mandi antara dua azan

Diriwayatkan daripada Aisyah bahawa: "Dan Nabi SAW mandi antara dua azan."

Yang dimaksudkan antara dua azan ialah azan maghrib dan isyak.

● **Sumber buku:** Ensiklopedia Amalan Setahun